

# BULETIN EKSPORT KAYU-KAYAN

## Timber Export Bulletin

DIKELUARKAN OLEH LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA/ISSUED BY THE MALAYSIAN TIMBER INDUSTRY BOARD

BULETIN EKSPORT KAYU-KAYAN NO: 6/87 (Penyemakan Semula 0399)  
TARIKH DIKELUARKAN: 8.3.1999  
SUBJEK:

### **PENCEGAHAN DARI SERANGAN PENGGEREK DAN SIJIL PEMERIKSAAN POHON-POHON**

Buletin ini menggantikan buletin Ekspor Kayu Kayan (BEK) No. 6/87 bertarikh 10.6.87, BEK No. 6/87 (Penyemakan Semula 0992) bertarikh 4.9.92 dan BEK No. 6/87 (Penyemakan Semula 1092) bertarikh 29.10.92, BEK No. 6/87 (Penyemakan Semula 1093) bertarikh 1.10.93 dan BEK No. 6/87 (Penyemakan Semula 0794) bertarikh 30.7.94.

Buletin ini berkuatkuasa mulai **29 Mac 1999**

#### **A. PENCEGAHAN DARI SERANGAN PENGGEREK**

- 1 Sepertimana yang sedia dimaklum, beberapa kayu mempunyai gubal yang mudah diserang oleh penggerek jenis kumbang bubuk. Kayu-kayu yang terlibat adalah ditandakan dengan nota-nota (h) dan (i) dalam Lampiran I, Peraturan Pemeringkatan Kayu Keras Gergaji Malaysia (Edisi 1984).
- 2 Memandangkan masalah serangan penggerek jenis kumbang bubuk, peraturan-peraturan berikut hendaklah dipatuhi dalam pengeksporan kayu-kayu tersebut di perenggan 1 (sama ada secara berperingkat atau tanpa peringkat), ke negara-negara tertentu seperti yang dinyatakan dalam M.G.R, Peraturan 9.

##### **2.1 Pengeksporan Kayu Jenis Tualang, Kempas dan Merbau**

- 2.1.1 Pengeksport hendaklah menasihatkan pembeli luar negara yang ingin membeli kayu Tualang, Kempas dan Merbau supaya memesan kayu ini bebas daripada gubal bagi mengelakkan kemungkinan kayu tersebut diserang

penggerek. Sekiranya pembeli luar negara bersetuju bagi memesan kayu bebas daripada gubal, pengeksport hendaklah memasukkan keperluan ini dengan jelas dalam kontrak tempatan dengan menyatakan perkataan 'FREE OF SAPWOOD'. Salinan kontrak tempatan tersebut hendaklah dimajukan oleh pengeksport kepada MTIB sewaktu membuat permohonan lesen eksport nanti.

Di dalam hal di mana pembeli luar negara tidak menetapkan keperluan kayu bebas daripada gubal, maka kayu berkenaan adalah dikehendaki menjalani sekurang-kurangnya satu daripada kaedah rawatan yang di terangkan dalam **Lampiran I**. Walau bagaimanapun MTIB juga mengambil pertimbangan ke atas pasaran yang ingin menerima kayu Tualang, Kempas dan Merbau yang mempunyai gubal tetapi tidak memerlukan kayu-kayu berkenaan dirawat. Bagi pembeli luar negara yang tidak mahukan kayu-kayu tersebut dirawat kelonggaran pada peraturan ini boleh diberikan dengan syarat pembeli luar negeri menyatakan '**TIMBER NOT TO BE PRESERVATIVE TREATED**' di dalam kontrak luar negeri. Kenyataan 'TIMBER NOT TO BE PRESERVATIVE TREATED' juga perlu dinyatakan didalam kontrak tempatan yang ditandatangani diantara pengeksport dan pembekal. Salinan kontrak tempatan tersebut perlulah dimajukan oleh pengeksport kepada MTIB sewaktu membuat permohonan lesen eksport.

Dalam kes dimana pengeksportan kayu Tualang, Kempas dan Merbau tidak disertai dengan salinan kontrak tempatan seperti yang dinyatakan diperenggan 2.1.1. dan 2.1.2, kayu berkenaan adalah dikehendaki menjalani sekurang-kurangnya satu daripada kaedah rawatan iaitu celup/sembur atau tekanan vakum atau fumigasi (sila rujuk **Lampiran I**).

3. Semua pembekal, pengeksport dan pemproses kayu hendaklah mematuhi peraturan-peraturan di atas. Mulai tarikh berkuatkuasa peraturan ini, MTIB akan menolak permohonan lesen eksport bagi jenis-jenis kayu di atas yang tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan.

## **B. SIJIL PEMERIKSAAN POHON-POHON**

1. Mulai 3 Ogos 1998 Bahagian Perlindungan Tanaman dan Kuarantin Tumbuhan, Jabatan Pertanian telah menguatkuasakan peraturan di mana setiap konsignmen kayu dan hasil-hasil kayu yang memerlukan Sijil Fitosanitasi perlu menjalani rawatan fumigasi terlebih dahulu sebelum sijil tersebut dikeluarkan. Ini adalah bagi memastikan bahawa setiap konsignmen yang mendapat sijil tersebut adalah bersih dari serangga perosak semasa ianya dieksport. Bagi mendapat gambaran yang jelas mengenai implikasi langkah ini terhadap pengeksportan barangan kayu, satu perbincangan telah diadakan di MTIB pada 23 September 1998, di antara Pengarah Bahagian Perlindungan Tanaman dan Kuarantin Tumbuhan, Jabatan Pertanian dengan wakil-wakil dari Persatuan Perniagaan Kayu Kayan Malaysia (TTFM), Majlis Kayu Kumai & Tanggam Malaysia (MWMJC), Persatuan Pekilang Panel Malaysia (MPMA), Persatuan Pengeksport Kayu Kayan Malaysia (TEAM), Persatuan Pengusaha Kayu Kayan & Perabot Bumiputra Malaysia (PEKA), Majlis Perindustrian Perabot Malaysia (MFIC) dan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB)
2. Bagi membantu pihak pengeksport untuk memenuhi keperluan ini, perbincangan tersebut telah memutuskan supaya MTIB memaklumkan kepada industri kayu mengenai prosidur untuk mendapatkan Sijil Fitosanitasi ini. **Lampiran II** buletin ini menyenaraikan prosidur Jabatan Pertanian yang perlu di patuhi oleh pengesport yang memerlukan Sijil Fitosanitasi.

3. Borang permohonan, PQ 9 untuk mendapatkan Sijil Fitosanitasi boleh diperolehi dari mana-mana pejabat Bahagian Perlindungan Tanaman dan Kuarantin Tumbuhan, Jabatan Pertanian. Alamat pejabat ini serta cawangan-cawangannya adalah seperti di **Lampiran III**.
4. Rawatan fumigasi hendaklah dilakukan oleh mereka yang bertauliah. **Lampiran IV** buletin ini menyenaraikan syarikat-syarikat yang bertauliah untuk menjalankan fumigasi. Senarai syarikat yang terkini dari masa kesemasa boleh diperolehi dari Pejabat Bahagian Perlindungan Tanaman dan Kuarantin Tumbuhan, Jabatan Pertanian.
5. Konsignmen yang akan diperiksa oleh Jabatan Pertanian adalah tidak semestinya dikecualikan dari pemeriksaan oleh MTIB.



**DATO' HAJI ABDUL RASHID MAT AMIN**  
Ketua Pengarah  
Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia

Semua permohonan lesen eksport bagi konsignmen kayu Tualang, Kempas dan Merbau yang dirawat dengan kaedah di atas hendaklah disertai dengan sijil pengawetan atau sijil fumugasi yang dikeluarkan oleh pihak yang menjalankan rawatan, untuk mengesahkan bahawa rawatan berkenaan telah benar-benar dijalankan.

Adalah menjadi tanggungjawab pengeksport bagi memastikan bahawa kayu-kayu yang dieksport telah benar-benar dirawat sepertimana dinyatakan pada sijil-sijil berkenaan.

## **2.2 Kayu Jenis Kayu Getah**

Pengeksportan kayu getah gergaji adalah tertakhluk kepada peraturan-peraturan dalam BEK No. 1/87 bertarikh 16.5.1987, yang menggariskan keperluan pengawetan kayu tersebut.

## **2.3 Kayu Jenis-Jenis Lain**

Bagi kayu jenis-jenis lain yang mudah diserang oleh penggerek jenis kumbang bubuk [ iaitu kayu-kayu yang ditandakan dengan nota-nota (h) dan (i) dalam Lampiran I, Peraturan Pemeringkatan Kayu Keras Gergaji Malaysia, (Edisi 1984)] selain dari kayu Tualang, Kempas, Merbau dan Kayu Getah] adalah disyorkan kayu-kayu ini disembur atau dicelup dengan bahan pencegahan penggerek yang sesuai, sebaik sahaja digergaji untuk mencegah kayu dari serangan penggerek. Selepas penyemburan atau pencelupan, kayu-kayu hendaklah disusun serta dilindungi dengan sempurna dan kegagalan melakukannya akan mensia-siakan penyemburan atau pencelupan tersebut.